

**PRU-13 Mungkin Penggal Terakhir Ongkili Pertahan Kerusi Parlimen Kota Marudu
Bernama
21 Mei, 2012**

KOTA MARUDU, 21 Mei (Bernama) -- Jika Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dipilih Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Barisan Nasional (BN) untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kota Marudu pada pilihan raya umum akan datang, ia mungkin menjadi penggal terakhir beliau.

Timbalan Presiden PBS itu memaklumkan perwakilan mesyuarat agung tahunan ke-27 parti itu di Tandek dekat sini, bahawa beliau sedia menjadi wakil rakyat kawasan tersebut buat kali terakhir sebelum mengundur diri bagi membolehkan pemimpin tempatan yang berkaliber dan lebih muda mengambil alih.

"Namun begitu, saya akan terus berkhidmat kepada rakyat dalam kapasiti lain seperti mentor dan penasihat," ikrar beliau.

Beliau juga berkata kerusi Parlimen Kota Marudu serta Dewan Undangan Negeri Tandek dan Matunggong di bawahnya, kekal sebagai kubu kuat BN.

"Kawasan Parlimen Kota Marudu berkembang pesat dalam tempoh 10 tahun lepas dengan sokongan dan perhatian khusus kerajaan negeri dan Persekutuan BN," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667640>